

22 JUL 1997

RINGGIT: KERAJAAN AKAN KAJI TINDAKAN

PETALING JAYA, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji mengenai tindakan yang mungkin diambil bagi menangani masalah spekulasi terhadap ringgit.

"Saya akan dapatkan maklumat daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini balik menjadi timbalan perdana menteri, dan menteri kewangan. Kalau boleh saya fikir apa-apa cara, saya akan kemukakan pendapat saya.

"Kalau tak boleh, saya ikut sajalah," katanya di sini sekembalinya daripada bercuti selama dua bulan di luar negara, hari ini.

Serangan spekulasi berterusan terhadap ringgit -- juga dilihat terhadap baht Thai, rupiah Indonesia dan peso Filipina -- mengakibatkan ringgit jatuh ke paras paling rendah sejak tiga tahun sekarang pada 2.62 daripada 2.50 dua minggu dahulu.

Hari ini, pada pukul 5.00 petang, ringgit menjadi stabil di pasaran pertukaran wang asing dengan ditutup pada 2.6200/20 berbanding dolar AS tetapi paras itu adalah lebih rendah daripada penutup semalam 2.6150/00 kerana dana-dana As mengambil untung ke atas dolar AS.

Apabila ditanya sama ada semua negara-negara Asean akan berusaha bersama untuk menyerang balas terhadap spekulator matawang negara-negara Asean yang jatuh baru-baru ini, beliau hanya menyatakan rasa tidak senang hati terhadap mereka.

"Kebebasan spekulasi telah menjadi senjata politik sehingga memberi kuasa kepada satu orang kerana dia kaya untuk mereka memaksa negara-negara bebas tunduk kepadanya," katanya.

"Kita suka kepada kebebasan berniaga, tetapi jika kebebasan ini di salahgunakan sehingga menyebabkan orang yang miskin menjadi lebih miskin, kerana orang ini kononnya hendak mengadakan "perang suci untuk amal", ini bermakna dia samun orang miskin untuk tunjuk bahawa dia adalah orang yang pemurah," katanya.

Mengenai rizab asing Bank Negara yang susut kepada RM61.898 bilion pada 15 Julai 1997 daripada RM70.705 bilion pada akhir Jun 1997, disebabkan tindakan Bank Negara cuba untuk menyokong ringgit daripada menjunam, Dr Mahathir berkata: "Saya terpaksa mendengar butiran terperinci."

"Seseorang tidak mengambil keputusan berasaskan kepada satu faktor semata-mata," tambah beliau. -- BERNAMA

JR OS